

**SOALAN NO. 62****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN :** LISAN**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ]**TARIKH :** 4 APRIL 2018**SOALAN :**

**YB Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada suatu pangkalan data (database) kebangsaan boleh diwujudkan bagi menyenaraikan semua individu yang menerima darjah kebesaran (Datuk, Tan Sri, JP dan lain-lain.) dari seluruh negara, supaya dapat disemak oleh orang awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri (BIUPA, JPM) merupakan agensi yang bertanggungjawab menyedia rekod lengkap dan terkini ke atas semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP). BIUPA telah mempunyai sistem maklumat yang kemaskini bagi senarai penerima DKBPP untuk tahun 1958 sehingga 2017. Senarai penerima tersebut boleh diakses melalui laman web rasmi BIUPA, JPM iaitu [www.istiadat.gov.my](http://www.istiadat.gov.my).

Selain itu, laman web ini turut menyediakan maklumat penerima Darjah Kebesaran peringkat Negeri sebagaimana yang terdapat dalam Warta Penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri (DKBPN) bagi tahun 1985 hingga 2017. Hanya senarai nama penerima Darjah Kebesaran daripada warta yang sahih dan dibekalkan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta maklumat sistem atas talian Kementerian Wilayah Persekutuan sahaja akan dimuat naik ke laman web ini. Untuk makluman juga, pada masa ini sistem semakan anugerah peringkat Negeri di laman web BIUPA, JPM ini hanya menyenaraikan penerima Darjah Kebesaran yang membawa gelaran sahaja dan tidak meliputi penerima Bintang dan Pingat yang tidak membawa apa-apa gelaran. Ini kerana sistem semakan tersebut bertujuan mengesahkan individu-individu yang dikurniakan Darjah

Kebesaran yang membawa gelaran seperti Datuk, Dato' Sri, Dato' dan sebagainya.

Justeru itu, sekiranya didapati nama penerima DKBPN tiada di laman web tersebut, orang ramai bolehlah membuat semakan lanjut secara langsung dengan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di mana individu tersebut mendakwa menerima darjah kebesaran yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.